

ALAM WANITA

Peranan Wanita dalam Berbagai-bagai Lapangan

Dalam keluaran yang lalu penulis rencana ini telah memperkatakan kedudukan wanita dalam lapangan ibadah dan masyarakat, begitu juga dalam pendidikan dan pengajaran. Maka kini sebagai sambungnya, beliau memperkatakan pula kedudukan wanita dalam lapangan sosial dan politik, perjuangan dan berangkat ke medan perang.

(oleh: Haji Munawir Khalil)

Oleh itu agar kaum wanita dapat menimbang dan membandingkan antara perkahwinan yang diatur oleh agama Islam dengan perkahwinan yang mengikut cara-cara dan adat-istiadat bangsa-bangsa di luar pimpinan Islam, maka di bawah ini diterangkan beberapa riwayat perkahwinan yang dilakukan oleh bangsa-bangsa di dunia.

Perkahwinan-perkahwinan yang dilakukan oleh umum bangsa Arab di zaman jahiliah, pada mereka masih kurang peradabannya, antara adalah seperti berikut:

1. Nikah Istibda'

Nikah Istibda' (kahwin perdagangan), caranya ialah, seorang suami memerintahkan isterinya supaya melakukan hubungan jenis dengan lelaki lain yang dianggap gagah, perkasa dan mulia seperti pembesar-pembesar negeri atau pahlawan-pahlawan perang, dengan tujuan mendapatkan anak-anak yang mempunyai baka seperti lelaki tersebut. Suami dari perempuan tersebut biasanya akan berkata demikian; "Apabila engkau sudah bersih dari haid mu, hendaklah

engkau pergi kepada....si pulan, lalu engkau mintalah berseketiduran dengannya." Si isteri yang memang bersifat lemah, tak berdaya untuk menolak, dan akan mengikut sahaja apa yang dikehendakinya oleh suaminya, lalu pergilah ia menuju kepada lelaki tersebut untuk melakukan hubungan jenis dengannya. Dan mulai hari itu si suami tidak lagi mencampuri isterinya, sehingga telah dapat ditentukan bahawa isterinya telah mengandung dari orang lelaki yang dikehendaki oleh suaminya. Jadi nikah Istibda' ini dilakukan, lantaran si suami ingin mempunyai anak lelaki yang gagah atau berpangkat, atau cerdik pandai atau bangsawan dan sebagainya. Dalam perkahwinan ini teranglah si isteri menjadi korban suaminya sendiri, dan menjadi barang dagangan atau permainan yang boleh dipinjamkan kian ke mari menurut si kehendak hati suami. Kehormatan wanita tadi disuruh berikan kepada lelaki lain yang tidak berhak, dan dia mesti menurut tidak boleh membantah, walaupun di suruh mengorbankan kehormatannya dan merendahkan

darjatnya, kerana hal yang demikian itu telah menjadi adat kebiasaan mereka yang mereka anggap kebiasaan itu adalah baik.

Mengikut keterangan, perkahwinan yang seperti ini mungkin hingga kini masih banyak dilakukan orang kerana dianggap baik, dan akhirnya masih berlaku di negeri Tibiyah.

2. Nikah Ishtirāk

Nikah Ishtirāk (kahwin berkongsi), caranya ialah, seorang wanita dikahwini oleh beberapa orang lelaki, tetapi tidak lebih dari sepuluh orang. Mereka berkongsi untuk mengahwini seorang wanita tadi, dan mereka memberikan hak kepadanya untuk menyerahkan anak yang telah dilahirkan olehnya kepada sesiapa sahaja diantara mereka yang pernah mencampurinya mengikut mana yang ia sukai. Tiap-tiap lelaki yang kahwin dengan seorang wanita dengan bersekutu atau berkongsi itu, mereka berhak mencampuri seorang wanita itu dengan syarat mendapat persetujuan terlebih dahulu daripadanya (wanita itu) dan dari mereka antara satu dengan lainnya. Mereka masing-masing mengadakan perjanjian bergilir dan waktu yang tertentu, agar tiap-tiap seorang tidak sama-sama serentak datangnya kepada wanita itu; kalau wanita yang kahwin dengan lelaki yang jumlahnya lebih dari seorang dan sebanyak-banyaknya hanya sepuluh orang, lalu wanita tadi hamil lalu melahirkan anak, apabila anak yang dilahirkan itu selamat sampai beberapa malam dari kelahirannya, maka wanita tadi mengundang sekalian lelaki yang pernah mencampurinya, maka seorang pun tidak boleh menolak undangannya. Sesudah semuanya berkumpul, wanita itu pun berkata kepada mereka semua: “Sesungguhnya masing-masing kamu telah mengetahui apa yang telah terjadi atas diri saya, tersebab perbuatan kamu, dan kini saya telah melahirkan anak, maka kini ambillah anakmu ini.....hai pulan!” wanita tadi sambil


menyebutkan nama lelaki yang disukainya, sambil menyerahkan anak itu kepadanya dengan tidak boleh membantah atau menolak.

Demikianlah cara kahwin Ishtirāk, yang dilakukan oleh bangsa arab di zaman jahiliah dahulu, yakni seorang wanita dijadikan isteri oleh beberapa orang lelaki yang berkongsi hingga sampai sepuluh orang. Nyatalah wanita itu amat rendah darjatnya, ia dijadikan sebagai makanan atau hidangan yang boleh di makan oleh beberapa banyak orang, sehingga dapat dikatakan telah hilang perikemanusiaan kerana masing-masing sudah tidak ada perasaan belas kasihan atas diri wanita yang lemah itu, dan wanita itu tidak dapat menolak atau mempertahankan dirinya dari perbuatan yang buruk itu. Dan dalam perkahwinan ishtirāk ini, wanitalah yang menjadi korban.

Menurut penyelidikan para sarjana, mungkin perkahwinan ini masih berlaku dalam kalangan orang-orang yang rendah peradabannya, dan mungkin pula keadaannya lebih buruk dan lebih keji dari apa yang berlaku di zaman jahiliah di tanah Arab itu. Yakni mereka melakukan perkahwinan ishtirāk itu dengan tidak memakai perjanjian cara bergilir-gilir dan berwaktu, malah mungkin pula tidak mahu bertanggungjawab terhadap anak yang dilahirkan dari perkahwinan yang seperti itu.

3. Nikah Mubdalah

Nikah mubādalah (kahwin tukar-menukar), caranya ialah, dua orang lelaki kahwin dengan dua orang wanita; tiap-tiap seorang dari keduanya boleh tukar-menukar isteri pada bila-bila masa mereka menghendakinya. Kemudian setelah habis waktu yang telah dijanjikan, masing-masing wanita itu akan dikembalikan kepada suaminya, dan keduanya tidak boleh menolak. Kelakuan yang seburuk ini bukanlah hanya dilakukan sekali sahaja tetapi mungkin



Penuntut-penuntut Madrasah Aljunied al-Islamiah hantaran kerajaan Brunei bergambar sebagai kenang-kenangan di rumah Brunei, Singapura dengan sebahagian guru-guru madrasah tersebut termasuk al-Sayyid Muhammad Husen al-Syih (duduk di tengah). Dikirinya al-Sayyid Muhammad al-‘Aydrus; Mudir Madrasah.

sampai beberapa kali, dan mungkin pula dilakukan tidak hanya terbatas dengan dua orang kawan sahaja.

Dengan adanya cara perkahwinan Mubādalah ini, yang menjadi korban pun wanita juga. Mereka direndahkan serendah-rendahnya, dianggap sebagai barang boleh ditukar ganti mengikut sekehendak lelaki, tidak boleh membantah atau menolak kehendak lelaki, sekalipun dengan terang-terang si wanita itu telah dirosakkan kehormatannya. Malah adat yang seburuk ini telah dipandang baik oleh mereka, dan kaum wanita mestilah mengikut sahaja.

Menurut penyelidikan orang-orang yang ahli, perkahwinan secara mubādalah ini bukan sahaja berlaku dikalangan bangsa Arab di zaman jahlliah, malah dilakukan oleh bangsa-bangsa lain

yang rendah budinya dan akhlaknya dan menunaikan hingga kini masih dilakukan orang yang dikatakan hidup di zaman modern ini.

4. Nikah Maqat

Nikah Maqat (kahwin kemurkaan), caranya ialah, seorang lelaki mengahwini bekas isteri bapanya atau ibu tirinya, atau dengan lain perkataan “kahwin pusaka” sebabnya dinamakan kahwin maqat, kerana dalam perkahwinan ini, orang lelaki ini nampak kemurakaannya kepada isterinya yang dikahwininya itu.

Bagi bangsa Arab di zaman jahiliah dahulu, sudah menjadi adat kebiasaan anak lelaki mengahwini bekas

isteri bapanya yang sudah mati sebagai pusaka peninggalannya. Kemudian manakala agama Islam telah datang, perkahwinan itu telah dihapuskan.

Dalam perkahwinan ini jelas benar kejinya, kerana wanita telah dianggap sebagai barang yang boleh diwarisi, diambil sebagai harta fasakh oleh anak tirinya. Bagi orang yang berfikiran sihat tentu mengakui betapa kejinya perkahwinan maqat itu. Tetapi orang yang sudah menjadi hamba kepada adat kebiasaan yang keji memandang perkahwinan seperti itu baik. Perkahwinan yang seperti itu tentulah akan mendapat kemurkaan daripada Allah dan kebencian dari manusia yang beragama dan berfikiran sihat.

5. Nikah Shighār

Nikah Shighār (kahwin bertukar anak), caranya ialah, seorang lelaki mengahwinkan anak perempuan kepada seseorang lelaki lain, sedang lelaki lain yang menjadi menantunya itu pula mengahwinkan anak perempuan kepadanya (bapa mertuanya). Dan perkahwinan yang demikian ini masing-masing tidak membayar mas kahwin.

Nikah Shighār ini, tidak hanya dilakukan oleh lelaki terhadap anaknya perempuan, bahkan juga terhadap saudaranya perempuan atau sebarang perempuan yang berada di bawah kekuasaannya. Jelaslah nikah Shighār ini, kahwin bertukar anak, atau saudara atau sebarang perempuan yang berada dibawah kekuasaan lelaki.

Agama Islam telah menghapuskan perkahwinan ini kerana terang-terang merendahkan darjat kaum wanita dan melanggar perikemanusiaan, seolah-olah wanita itu barang yang tidak bernyawa. Dalam perkahwinan ini wanita tidak mendapat mas kahwin, hanya dilakukan untuk kesenangan bapanya atau saudaranya lelaki sahaja. Dan mereka tidak boleh membantah atau menolak perbuatan kaum lelaki yang kejam itu.

6. Nikah Jamak

Nikah Jamak (kahwin rangkum), caranya seorang lelaki kahwin dengan dua orang wanita yang bersaudara iaitu kakak dan adiknya sekali. Bagi bangsa Arab dermawan jahiliah telah berlaku adat kebiasaan seorang lelaki mengahwini dua atau tiga orang perempuan adik beradik sekali gus. Tetapi setelah datang agama Islam adat perkahwinan yang demikian telah dihapuskan.

Di dalam perkahwinan jamak ini, pihak lelaki sahaja yang merasa puas dan senang, sedang pihak wanita sedikit pun tidak merasakan kepuasan atau kesenangan, kerana wanita-wanita itu bersaudara yang tentunya canggung bila mereka berhadapan dengan suami mereka. Oleh sebab itu tepat sekali agama Islam telah menghapuskan kahwin jamak ini.

Dan supaya tidak salah faham, yang dihapuskan oleh agama Islam ialah perkahwinan antara seorang lelaki dengan dua orang wanita yang bersaudara sekali gus atau keduanya dimaksudkan sama-sama masih hidup.

7. Nikah Sifāh

Nikah sifāh (kahwin lacur), caranya ialah, berkahwin tidak mengikut aturan agama, dan lebih tegas kahwin yang lacur, melakukan perzinaan dengan perempuan-perempuan lacur. Adapun perkahwinan sifāh yang berlaku dermawan dermawan jahiliah sebagai yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah radīya Allahu ‘anhā seperti berikut;

Orang-orang lelaki datang kepada orang-orang perempuan yang tidak menolak siapa sahaja yang berhajat hendak mencampurinya, di depan pintu rumah-rumah wanita itu dikibarkan panji-panji sebagai tanda bahawa mereka boleh dimasukkan oleh siapa sahaja yang berhajat kepadanya.

kalau wanita itu melahirkan anak, lalu wanita itu memanggil dukun yang ahli untuk melihat rupa anak yang dilahirkan, jika kelihatan rupa anak itu mirip atau serupa dengan lelaki yang pernah berseketiduran dengannya maka anak itu diserahkan kepadanya dan lelaki itu tidak boleh menolaknya.

Dan menurut keterangan yang lain, yang dikatakan kahwin *sifāh* itu, ialah bahawa orang-orang Arab dermawan jahiliah biasa melakukan perkahwinan secara liar dengan budak-budak (sahaya) perempuan - bukan dengan perempuan-perempuan merdeka. Tetapi setelah datang agama Islam, perkahwinan itu telah dilarang dan dihapuskan.

Pada hakikinya perkahwinan secara *sifāh* ini tidak berbeza dengan perkahwinan secara *ishtirāk*; hanya perkahwinan secara *sifāh* wanitanya banyak dan lelakinya pun banyak, sedang perkahwinan secara *ishtirāk*, wanitanya satu lelakinya banyak. Begitulah pula perkahwinan *ishtirāk*, wanita yang menyerahkan anaknya kepada lelaki yang disukainya, sedang perkahwinan *sifāh*, dukun yang menyerahkan anak yang dilahirkan kepada lelaki yang mirip rupanya dengan anaknya itu.

8. Nikah Mut'ah

Nikah Mut'ah (kahwin sementara), caranya ialah si lelaki yang akan mengahwini seorang wanita adalah dengan perjanjian untuk sementara waktu sahaja, dan sesudah habis tempohnya lalu bercerai. Kerana maksud perkahwinan ini memang untuk kesedapan atau kesenangan antara suami isteri dalam sementara waktu sahaja yang disertakan perjanjian dari kedua belah pihak - sesudah selesai melakukan bersedap-sedapan dalam tempoh sekian-sekian waktu - lalu si isteri diceraikan oleh suaminya.

Dalam perkahwinan Mut'ah ini pihak lelaki tidak diwajibkan membayar mas kahwin dan nafkah untuk keperluan hidup si isteri, dan wanita yang menjadi korban secara kahwin Mut'ah ini tidak pula mendapat pusaka dari si suami, dan tidak ada idahnya sesudah diceraikan. Cukuplah si suami memada dengan membayar upahnya seperti kain dan sebagainya, sedang wanita itu pula berkewajipan memelihara hak milik suaminya dan menguruskan sesuatu yang menjadi keperluannya.

Perkahwinan secara Mut'ah ini pada zaman Islam pernah berlaku sementara waktu dan diizinkan oleh Nabi Muhammad (S.A.W.). Tetapi berlakunya kahwin Mut'ah itu hanya untuk para kaum Muslimin yang pergi berperang atau keluar negeri yang tidak membawa isteri disebabkan mereka itu tidak ada kenalan atau handai taulan di sana. Kemudian setelah datang keterangan dari Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang menegah perkahwinan itu, maka mereka semuanya telah menjauhinya.

Dalam perkahwinan Mut'ah ini jelas benar bahawa kaum wanitalah yang menjadi korban, merekalah yang menderita kerugian, baik dalam segi moral mahupun material.

Orang yang berfikiran sihat tentu dapat membayangkan betapa besarnya pengorbanan kaum wanita dalam perkahwinan Mut'ah ini. Maka tetaplh juga Islam telah mengharamkannya dan pengharaman itu tetap berlaku sampai hari kiamat.

